



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : AMALAN PROFESIONAL
KOD KURSUS : DID 3323
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Antara pihak utama yang terlibat di dalam projek pembinaan adalah.

- i. Klien.
- ii. Konsultan.
- iii. Pihak Berkuasa.
- iv. Kontraktor.

- A i dan ii
- B i, ii, dan iii
- C i, ii, dan iv
- D i,ii, iii, dan iv

2. Apakah tujuan bagi kontraktor melakukan lawatan tapak bina ketika peringkat pembidaan dan penyediaan tawaran tender atau kontrak?

- A Untuk memastikan rekabentuk yang disediakan oleh konsultan sesuai untuk dibina di tapak bina.
- B Untuk mendapatkan maklumat lengkap dan gambaran jelas tentang tapak bina bagi penyediaan dokumen kontrak.
- C Untuk mengukur keluasan tapak bagi penyediaan senarai bahan dan sebut harga.
- D Untuk bertemu dengan subkontraktor bagi mendapatkan persetujuan gerak kerja.

3. Antara berikut, yang manakah paling tepat mengenai definisi kontraktor?

- A Pihak yang bertanggungjawab menyediakan buruh mahir.
- B Pihak yang menguruskan jadual dan gerak kerja di tapak bina.
- C Satu badan atau pihak yang telah memenangi satu tender projek.
- D Satu badan atau pihak yang menyediakan dokumen kontrak dan lukisan kerja.

4. Apakah yang dimaksudkan dengan spesifikasi?
- A Jadual gerak kerja dan peraturan di tapak bina.
 - B Data menjelaskan kualiti, kuantiti bahan dan tatacara kerja yang tidak dapat dijelaskan di dalam lukisan kerja.
 - C Data harga dan kuantiti bahan binaan yang diperlukan berdasarkan lukisan kerja yang disediakan.
 - D Jadual senarai keperluan, peralatan dan bahan yang diperlukan di tapak bina.
5. Dokumen yang disediakan selepas tender dianugerahkan kepada kontaktor dan juga tersedia untuk ditandatangani oleh pelanggan dan kontraktor dikenali sebagai
- A Dokumen pembidaan.
 - B Jadual Spesifikasi.
 - C Jadual bilangan kuantiti.
 - D Dokumen kontrak.
6. Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengesahkan sesuatu bangunan yang telah siap dibina selamat dan selesa untuk didiami dikenali sebagai
- A CCC
 - B MOA
 - C CPC
 - D LA
7. Set lukisan yang telah disemak semula berdasarkan perubahan yang dibuat dalam spesifikasi dan lukisan kerja semasa proses pembinaan, dan menunjukkan dimensi yang tepat, geometri dan lokasi semua unsur-unsur kerja yang lengkap di bawah kontrak dan dihantar apabila selesai sesuatu projek atau kerja tertentu dikenali sebagai
- A *Preliminary drawings*
 - B *Working drawings*
 - C *As built drawings*
 - D *Construction drawings*

8. Antara yang berikut yang manakah tidak termasuk dalam butiran kontrak?
- A Syarat perjanjian.
 - B Senarai bahan.
 - C Senarai subkontraktor.
 - D Spesifikasi teknikal.
9. Urutan yang betul bagi langkah-langkah menyediakan senarai bahan ialah:
- i. Menganggarkan kos mengikut data kuantiti
 - ii. Mengukur dan mengeluarkan data kuantiti
 - iii. Mentafsir dan menilai lukisan kerja
 - iv. Mendapatkan sebut harga daripada pembekal
- A iv, iii, i, dan iv
 - B ii, iii, iv, dan i
 - C i, ii, iii, dan iv
 - D iii, ii, iv, dan i
10. Laporan yang disediakan oleh kontraktor utama dan perlu disahkan oleh pihak perunding pada setiap bulan dikenali sebagai
- A Laporan kemajuan kerja.
 - B Laporan siap kerja.
 - C Laporan kerja susulan.
 - D Laporan tapak bina.

- Untuk menjamin kontraktor melaksanakan kerja mengikut kontrak
- Akan digunakan sekiranya berlaku kemungkiran kontrak
- Akan dilepaskan setelah kontraktor diberi Perakuan Siap Membaiki Kecacatan projek

11. Pernyataan di atas merujuk kepada
- A Insurans kecacatan projek
 - B Wang jaminan pelaksanaan
 - C Insurans tapak bina
 - D Wang jaminan bank

12. Apakah yang dimaksudkan dengan Insurans liabiliti awam?

- A Insurans perlindungan pekerja terhadap kemalangan yang berlaku di tapak projek.
- B Insurans bagi melindungi segala kerosakan yang berlaku akibat campur tangan orang awam.
- C Insurans untuk melindungi liabiliti kontraktor terhadap kecederaan orang awam.
- D Insurans yang diambil bagi melindungi liabiliti klien terhadap kecederaan orang awam.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Digunakan bagi urusan pentadbiran di tapak bina• Untuk kegunaan penyelia tapak dan juga menjalankan mesyuarat tapak• Mudah alih dan berhawa dingin |
|--|

13. Pernyataan di atas merujuk kepada kemudahan sementara yang perlu disediakan di tapak bina:

- A Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan
- B Pejabat Tapak
- C Pejabat Perunding
- D Pejabat Arkitek

14. Terma "*force majeure*" yang digunakan dalam tempoh lanjutan masa kerja merujuk kepada

- A Kuasa Tuhan yang tidak dapat dihalang seperti cuaca yang ekstrem atau sesuatu di luar jangkaan seperti peperangan dan rusuhan.
- B Masalah kekurangan bahan atau terputus bekalan bahan binaan yang menyebabkan kelambatan projek.
- C Percanggahan dalam dokumen kontrak yang menyebabkan rombakan kerja yang banyak.
- D Arahan tambahan yang dikeluarkan oleh pihak konsultan yang menyebabkan pertambahan kerja.

15. Apakah yang dimaksudkan dengan *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)*

- A Tempoh jaminan dan masa yang diberikan kepada pihak klien bagi kualiti hasil kerja pembinaan kontraktor.
- B Amaun wang jaminan yang dicagarkan bagi membayar semula kepada klien jika berlaku kerosakan di tapak bina.
- C Tempoh yang diberikan kepada kontraktor bagi menjalankan aktiviti baik pulih kecacatan bangunan mengikut senarai yang dikeluarkan arkitek.
- D Amaun wang penalti atau denda yang dikenakan kepada kontraktor kerana gagal menyiapkan kerja binaan berdasarkan jumlah hari lewat.

- Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Modal daripada simpanan sendiri atau pinjaman
- Segala kerugian ditanggung pemilik

16. Pernyataan di atas merujuk kepada milikan perniagaan jenis

- A Milikan tunggal
- B Milikan sendiri
- C Syarikat sendirian berhad
- D Syarikat awam berhad

17. Antara jenis perniagaan berikut, yang manakah tidak dikenakan cukai

- A Perkongsian
- B Milikan tunggal
- C Koperasi
- D Syarikat sendirian berhad

- Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM)
- Pertubuhan Perekabentuk Dalaman Malaysia (PPDM)

18. Berikut adalah persamaan bagi kedua-dua pertubuhan di atas, **kecuali**

- A Pusat pendaftaran perniagaan arkitek dan perekabentuk
- B Badan perwakilan profesional yang diiktiraf
- C Badan penasihat perundangan profesional
- D Pusat latihan dan pendidikan bidang berkaitan

19. Antara yang berikut yang manakah fungsi utama CIDB

- i. Mengawal selia industri pembinaan
- ii. Menasihati kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri
- iii. Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor
- iv. Menguruskan laporan dan aduan kegagalan kerja pembinaan

- A i, iii, dan iv
B ii, iii, dan iv
C i, ii, dan iii
D i, ii, iii, dan iv

20. Sijil perakuan siap kerja ialah sijil pengesahan projek telah sempurna setelah semua cacatan dibaiki, dikeluarkan oleh


- A Klien
B Arkitek
C Kontraktor
D Pihak berkuasa tempatan

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rajah 1 Carta Organisasi Tapak Bina

- Nyatakan pihak X dan Y
(2 markah)
- Huraikan **tiga (3)** skop kerja bagi X di dalam projek pembinaan?
(6 markah)
- Senaraikan **dua (2)** contoh kerja-kerja atau kepakaran yang disediakan oleh Y.
(2 markah)

SOALAN 2

- Mengapakah sesi taklimat (*briefing*) amat penting sebelum memulakan sesebuah projek?
(2 markah)
- Apakah yang dimaksudkan dengan pembidaan tawaran tender?
(2 markah)


c. Huraikan dua (2) tanggungjawab kontraktor terhadap klien

(4 markah)

d. Senaraikan dua (2) tanggungjawab kontraktor terhadap pekerjaanya

(2 markah)

SOALAN 3



Rajah 2 Susun Atur Tapak Bina

a. Elemen yang terdapat di Q ialah

(2 markah)

b. Huraikan fungsi utama bagi Q

(2 markah)

c. Berikan tiga (3) contoh dan fungsi bagi bangunan dan kawasan sementara di tapak bina

(6 markah)

SOALAN 4

a. Senaraikan empat (4) jenis-jenis dokumen kontrak

(4 markah)

b. Huraikan tiga (3) kepentingan dokumen kontrak

(6 markah)

SOALAN 5

- a. Apakah kegunaan utama dokumen Spesifikasi?
(2 markah)
- b. Apakah yang dimaksudkan dengan Senarai Bahan?
(2 markah)
- c. Huraikan perbezaan antara Spesifikasi dengan Senarai Bahan
(4 markah)
- d. Apakah peranan Jurukur Bahan dalam sesuatu projek pembinaan?
(2 markah)

SOALAN 6

- a. Huraikan **dua (2)** ciri-ciri portfolio yang baik dan sesuai digunakan bagi ketika menghadiri sesi temuduga sebagai seorang perekabentuk dalaman
(4 markah)
- b. Jika ditanya "Apakah kelemahan dan kekurangan anda" ketika menghadiri sesi temuduga, apakah jawapan yang sesuai diberikan agar situasi memihak kepada anda?
(3 markah)
- c. Apakah cara terbaik untuk menyatakan tahap kebolehan dan kemahiran di dalam sebuah *resume*? Lakarkan jawapan anda jika perlu.
(3 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan, jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Anda akan menghadiri satu sesi temuduga bagi jawatan *Junior Interior Designer*, di sebuah firma rekabentuk dalaman iaitu Oracle Interior Design Consultant beralamat di Lot 23-2, Aras 23, Menara Wawasan, 38000 Johor Bahru, Johor. Anda dikehendaki untuk menghantar satu salinan portfolio sebelum menghadiri sesi temuduga tersebut kepada Pn. Rozila selaku pegawai sumber manusia di firma tersebut.

- a. Tuliskan surat iringan atau *cover letter*, kepada Pn. Rozila bagi tujuan menghantar salinan portfolio tersebut.

(10 markah)

SOALAN 2

Selaku penyelia tapak yang dilantik oleh kontraktor utama, Mega Construction Sdn Bhd, anda dikehendaki menghadiri satu mesyuarat tapak bina bagi projek pembinaan banglo Datin Afiqah, di Horizon Hill, Johor Bahru. Antara isu-isu yang dibincangkan di dalam mesyuarat tersebut ialah maklumbalas Datin Afiqah mengenai pembinaan dapur beliau yang tidak menepati kualiti bahan seperti yang dijanjikan di dalam kontrak. Manakala pihak subkontraktor pula menyuarakan masalah pembekal yang dihadapi mereka mungkin akan melambatkan tempoh siap kerja. Mesyuarat tersebut juga membincangkan solusi dan pihak yang bertanggungjawab terhadap permasalahan tersebut.

- a. Sebagai penyelia tapak, sediakan satu minit mesyuarat lengkap, bagi mesyuarat tapak bina tersebut.

(10 markah)

SOALAN 3

Anda adalah seorang pengurus projek yang dilantik bagi sebuah projek renovasi penuh kediaman rumah teres satu tingkat milik klien. Melalui perjanjian kontrak, projek tersebut perlu disiapkan di dalam tempoh 9 Bulan termasuk kerja-kerja pembersihan dan dekorasi.

- a. Sebagai pengurus projek, anda dikehendaki menyediakan satu jadual aktiviti lengkap, bagi sepanjang tempoh 9 bulan projek renovasi kediaman tersebut dan menyenaraikan individu-individu yang terlibat bagi aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di dalam jadual tersebut.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

○

○